

## **69 buah keluarga terjejas akibat banjir**

Oleh: Nurul Amirah Binti Fauzi 1180216 November 26, 2020

BAGAN SERAI: Sebanyak 69 buah keluarga telah dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) akibat dilanda banjir susulan hujan lebat berturut-turut.

Difahamkan bahawa keadaan air naik secara perlahan pada waktu petang dan naik mendadak pada waktu malamnya.

Petugas Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Hamisah, 40, berkata sebanyak 11 buah kampung membabitkan 69 buah keluarga telah dipindahkan ke PPS disebabkan banjir yang teruk.



Mangsa banjir resah akibat air semakin naik.

Beliau berkata, Kampung Tanjung Bugis, Kampung Parit Air Hitam 2 dan Kampung Parit Air Hitam 3 merekodkan jumlah mangsa tertinggi serta kawasan yang teruk perlu dipindahkan ke PPS.

Menurut laporan, dua buah PPS telah dibuka bagi penempatan mangsa-mangsa banjir iaitu di Sekolah Kebangsaan Parit Haji Aman dan Sekolah Kebangsaan Changkat Lobak.

Manakala PPS ini akan dipantau dan dibantu oleh empat agensi iaitu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Menurut mangsa banjir, Zarifah, 42, mengatakan bahawa beliau sempat menyelamatkan beberapa barangan termasuk peti ais, almari, perabot-perabot lain serta dokumen-dokumen penting.

Zarifah berkata ketika ini, beliau sudah beberapa kali dilanda banjir namun hanya dua kali sahaja dipindahkan disini akibat banjir yang teruk sehinggakan tidak mempunyai tempat tidur berikutan mempunyai anak kecil untuk dijaga.